

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato Sri Dr. Muhammad Leo  
Michael Toyad Abdullah  
[ MUKAH ]**

**TARIKH : 08.04.2014 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 19**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan berapa keluasan Ladang Sawit di  
kawasan Bahagian Mukah dan apakah rancangan masa  
depan untuk memperluaskan lagi di Bahagian Mukah.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Hanya FELCRA Berhad sebagai Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang mengusahakan tanaman kelapa sawit di Bahagian Mukah seluas **12,365 hektar**. Daripada keluasan tersebut, seluas 6,326 hektar di bawah Parlimen Mukah dan 6,039 hektar di bawah Parlimen Igan.

Bagi pembangunan masa hadapan, FELCRA Berhad bersedia untuk meneruskan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membuka dan membangunkan lagi perladangan kelapa sawit dengan lebih meluas di negeri Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 8 APRIL 2014 ( SELASA )  
DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang lebih menyeluruh dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal negara yang kritikal sekarang ini, merangkumi amalan rakyat dan proses pengurusannya.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **pada tahun 2005** JICA telah mengunjurkan sisa pepejal yang dijana di Malaysia dijangka sebanyak 30,000 tan sehari menjelang tahun 2020. Hakikatnya pada tahun 2012, **jumlah sisa pepejal** yang dihasilkan adalah sebanyak 33,000 tan sehari iaitu tujuh (7) tahun lebih awal dari amaun yang diunjurkan. Bagi menangani cabaran ini, pengurusan sisa pepejal dirancang lebih komprehensif, bersepadu dan mampan.

Di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah menggiatkan lagi program kitar semula seperti berikut:-

- (i) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Modul Latihan Kelab Kitar Semula yang telah diguna pakai di sekolah rendah dan menengah seluruh

Semenanjung. Sehingga Disember 2013, sebanyak 100 buah sekolah di Semenanjung telah menubuhkan Kelab Kitar Semula dan pada tahun 2014 PPSPPA mensasarkan sebanyak 4,000 buah sekolah lagi akan menubuhkan Kelab Kitar Semula.

- (ii) Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula Sekolah Sekolah Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 13 Februari 2014. Majlis tersebut adalah bertujuan sebagai pemangkin dalam usaha untuk memperbanyak sekolah menubuhkan kelab kitar semula.
- (iii) Penglibatan komuniti adalah dilihat sebagai salah satu agen untuk mencapai matlamat ke arah pengurusan sisa pepejal yang mampan. Mulai 2011 sehingga 2013 terdapat peningkatan dalam penglibatan komuniti dalam aktiviti program bank kitar semula dan pengkomposan seperti berikut:

Tahun	Bank Kitar Semula di institusi/ pusat komersial	Pengkomposan Di Komuniti
2011	1	Belum dilaksanakan
2012	54	9
2013	64	18
<b>Jumlah</b>	<b>119</b>	<b>27</b>

- (iv) Kaedah kutipan sisa pepejal isirumah 2 + 1 diperkenalkan bagi membolehkan barangan kitar semula dikutip satu kali seminggu, berasingan daripada sisa organik yang dikutip dua kali seminggu. Menjelang September 2015 pelaksanaan pengasingan sisa dipunca secara mandatori akan dikuatkuasakan ke semua negeri yang menerimapakai Akta 672.
- (v) Disamping program 3R yang dilaksanakan, Kementerian turut memberi tumpuan khusus ke atas kaedah rawatan dan pelupusan. Dalam hal ini, sistem rawatan sisa pepejal seperti loji pemprosesan

*waste to energy* (wte) dan loji *anaerobic digester* (AD) turut diperkenalkan bagi mengurangkan kebergantungan ke atas tapak pelupusan sisa pepejal di samping dapat menjana tenaga boleh baharu dan kompos.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD  
JARJIS [ROMPIN]**

**TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 21**

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan kedudukan terkini rancangan  
pembangunan Lapangan Terbang Pulau Tioman.**



## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rompin, Kementerian Pengangkutan telah memohon peruntukan siling untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Pulau Tioman di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10). Namun begitu, permohonan tersebut tidak dapat diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) memandangkan terdapat kekangan peruntukan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengemukakan permohonan siling untuk cadangan penaiktarafan Lapangan Terbang Tioman dalam *Rolling Plan* yang akan datang.